

PH pegang, hormati keputusan bersama

BH- 6/3/2019
mls: 15.

➔ Anwar akan ambil alih apabila sampai masanya

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pakatan Harapan (PH) akan berpegang kepada keputusan bersama berhubung peralihan kuasa antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan setiap parti perlu menghormatinya.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata persetujuan bersama itu dinamakan konsensus berhubung kedudukan Perdana Menteri dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Beliau berkata keputusan mengenai Anwar yang juga Presiden PKR untuk ambil alih sebagai Perdana Menteri juga akan dilakukan apabila sampai masanya.

“Saya fikir apa pun pandangan kita berikan, PH berpegang kepada keputusan yang kita pakai bersama.

“Semua pihak dari PH boleh hormati keputusan itu,” katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikannya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 di sini semalam.

Beliau mengulas pandangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A Kumaresan dalam sebuah portal berita yang menyatakan Anwar harus segera diangkat sebagai Perdana Menteri selepas PH tidak berjaya dua kali berturut-turut dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Cameron Highlands dan DUN Semenyih.

Ukur kos sara hidup

Dalam perkembangan lain, Saifuddin berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yakin indeks untuk mengukur kos sara hidup dapat mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat terutama dalam konteks harga barang.

Beliau yang juga Menteri berkenaan berkata kadar Indeks Harga Pengguna (IHP) yang diguna pakai sekarang dilihat tidak menggambarkan kedudukan sebenar kos sara hidup te-

rutama bagi harga barang.

Beliau berkata indeks baharu yang akan diperkenalkan itu dapat memberi jaminan dan mengenal pasti ukuran bacaan yang lebih tepat mengenai keadaan sebenar harga barang dan kos hidup.

Indeks inflasi

“Selama ini, kita (kerajaan) bergantung kepada IHP atau indeks inflasi, contohnya IHP atau indeks inflasi itu memang rendah, tetapi di satu sisi (walaupun) rendahnya indeks itu, ia tidak dirasakan dalam bentuk kehidupan sebenar rakyat di bawah.

“Kami (kerajaan) berasakan indeks baharu ini adalah satu keperluan untuk dijadikan sebagai garis panduan yang dapat menggambarkan realiti sebenar yang berlaku,” katanya.

Saifuddin berkata antara agensi yang terbabit dalam melaksanakan indeks itu ialah Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM), Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Semalam, Menteri Kewangan Lim Guan Eng berkata kerajaan akan mencadangkan satu indeks pengukur kos sara hidup bagi menentukan kenaikan gaji lebih munasabah.